

Piala Monsoon Pacu Aktiviti Ekonomi Di Terengganu - Tun Abdullah Bernama
21 September, 2012

PUTRAJAYA, 21 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata penganjuran kejohanan kapal layar Piala Monsoon, yang memasuki edisi kelapan tahun ini, memacu aktiviti ekonomi bagi perniagaan setempat di Terengganu semasa musim tengkujuh.

Beliau berkata pelbagai pembangunan dilaksanakan di Terengganu sejak kejohanan itu dimulakan pada 2005 termasuk pembinaan lebih banyak hotel.

"Piala Monsoon adalah acara sukan. Bagaimanapun terdapat aktiviti lain yang turut diadakan di Terengganu. Acara ini sangat menarik, yang berjaya menjadikan Pulau Duyung dan Terengganu bertambah menarik," katanya ketika berucap pada pelancaran 'Piala Monsoon: Penjenamaan Semula Untuk Masa Depan' di sini pada Jumaat.

Turut hadir pengerusi T-Best Events Sdn Bhd, Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Kejohanan itu akan diadakan dari 3 hingga 8 Dis dengan disertai oleh 12 negara termasuk Malaysia, United Kingdom, Australia, New Zealand, Perancis dan Itali.

Diperkenalkan oleh Abdullah pada 2005, kejohanan itu bertindak sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi Terengganu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696339>